



# KENYATAAN MEDIA

## UNTUK SIARAN SEGERA

### JELAJAH BMS 2023 ZON UTARA MERIAH DAN TERIMA REAKSI POSITIF PENGUNJUNG

1. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 membawa kelainan dari tahun sebelumnya apabila buat julung kalinya dilaksanakan menerusi konsep jelajah (*road tour*) merentasi 14 negeri di lokasi terpilih seluruh Malaysia sepanjang bulan Oktober 2023. Pada hari ini, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melancarkan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 Peringkat Zon Utara bersempena dengan Sambutan Hari Tabungan Sedunia yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun.
2. Majlis pelancaran disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang bertempat di MYDIN Mall Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Turut hadir YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN, YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Muhammad Muhsin Abdul Rahman, Pengarah Negeri Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang dan Pengurusan PTPTN. Selain negeri Pulau Pinang, BMS 2023 Zon Utara turut diadakan serentak di tiga (3) lokasi lain iaitu di Aeon Mall Klebang, Ipoh, Perak, di Alor Setar Mall, Kedah dan di C-Mart Arau, Perlis.
3. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 merupakan program *signature* PTPTN dalam memartabatkan amalan penabungan dan mempromosikan Simpan SSPN sebagai produk simpanan pilihan utama masyarakat Malaysia. BMS 2023 bertemakan "Robotik : Ke arah Transformasi Dunia Pendigitalan" dengan mengekalkan *tagline* Jom Jadi Superhero Anak Anda. Konsep ini amat signifikan kerana sains dan teknologi robot berkait rapat dengan kemajuan dan memerlukan pengetahuan tentang teknologi terkini. Ini selari dengan agenda pendigitalan PTPTN yang memberi fokus kepada usaha menggalakkan penggunaan aplikasi myPTPTN kepada para peminjam dan pendeposit Simpan SSPN untuk urusan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

4. Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk disertai oleh ibu bapa dan anak-anak antaranya Pertandingan Mewarna Simpan SSPN, Simpan SSPN *Got Talent*, Rekacipta Model Robotik dan Family Jenga. Bagi memeriahkan lagi BMS 2023, Cabutan BMS 2023 diteruskan pada tahun ini dengan hadiah wang tunai berjumlah RM75,000 kepada seramai 66 pemenang. Jelajah Bulan Menabung Simpan SSPN 2023 Peringkat Zon Utara yang dilancarkan hari ini membuktikan komitmen PTPTN dalam menyebarkan manfaat dan keistimewaan Simpan SSPN kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang, khususnya di Zon Utara.

5. YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN berkata, “Program BMS 2023 merupakan program *signature* PTPTN sejak tahun 2018. Pelaksanaan program ini bagi tahun ke enam (6) berturut-turut adalah bukti komitmen PTPTN dalam memartabatkan amalan penabungan dan mempromosikan Simpan SSPN sebagai produk simpanan pilihan utama masyarakat Malaysia. Pada tahun ini, PTPTN mensasarkan jumlah deposit Simpan SSPN bagi BMS 2023 adalah sebanyak RM220 juta. Saya optimis sasaran ini dapat dicapai berdasarkan rekod pencapaian BMS lima (5) tahun penganjurannya sebelum ini.”

6. Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat Malaysia seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, dividen yang kompetitif, Geran Sepadan sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak, patuh syariah dan simpanan dijamin Kerajaan. Pelbagai kempen dan promosi turut dipergiat bagi menyemarakkan lagi amalan penabungan antaranya dengan mengadakan Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023.

7. PTPTN akan terus komited untuk meningkatkan kesedaran masyarakat agar terus menabung di dalam Simpan SSPN bagi mengelakkan kebergantungan kepada pinjaman. PTPTN yakin usaha ini akan disokong oleh semua pihak bagi merealisasikan visi PTPTN sebagai ‘Peneraju Tabung Pendidikan Tinggi Negara’. Untuk maklumat lanjut berkenaan BMS 2023, layari [www.ptptn.gov.my/BMS2023](http://www.ptptn.gov.my/BMS2023).